

02/12/2000

Urus dana kebajikan Islam lebih telus: PM (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kerajaan negeri menguruskan akaun dana kebajikan Islam termasuk pungutan zakat, secara lebih telus, seperti yang dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri juga menyarankan pihak berkaitan agar tidak menyulitkan urusan untuk orang ramai beramal jariah.

Beliau berkata, tidak perlu diadakan saluran khas atau perundangan birokrasi yang terlalu ketat, bahkan digalakkan kalau sesiapa ingin menderma secara persendirian kerana menghulur derma dengan sendiri juga ada baiknya.

"Kita tidak boleh terlalu birokratik dalam perkara ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Sebulan Beramal Jariah peringkat Kebangsaan di Kompleks Pusat Islam di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan skim amal jariah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) termasuk Skim Potongan Gaji dan Skim Korporat Penyayang.

Selain itu, YPEIM melancarkan tiga produk baru, iaitu e-Jariah, Tele-Jariah dan Auto-Jariah bagi memudahkan masyarakat beramal jariah pada era teknologi maklumat dan multimedia.

Sempena pelancaran itu, beberapa syarikat turut menyampaikan sumbangan, termasuk RM1 juta dari Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd (Bank Rakyat), Malaysian Resources Malaysia Berhad (MRCB) sebanyak RM135,000, Adabi Consumer Sdn Bhd (RM100,000), Takaful Nasional Bhd (RM100,000) dan Hi-Tech Padu Sdn Bhd (RM50,000).

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YPEIM, Datuk Ahmad Tajudin Abdul Rahman.

Dr Mahathir bagaimanapun berpuas hati kerana pengurusan aspek kebajikan Islam di negara ini lebih teratur berbanding di kebanyakan negara Islam lain.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata di Malaysia amalan bersedekah atau beramal jariah dipraktikkan secara meluas dan ini membuktikan bahawa budaya itu bukan sesuatu yang baru.

Malah, katanya, kerajaan menyokong penuh langkah YPEIM untuk menghidup dan menyuburkan budaya berkenaan.

"Saya berharap usaha ini mendapat sokongan tidak berbelah bagi daripada masyarakat, sama ada sektor awam atau swasta dan kerajaan akan memberi apa jua bentuk bantuan yang perlu bagi memastikan hasrat besar ini menjadi kenyataan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata YPEIM mempunyai potensi untuk muncul sebagai sebuah institusi penting dan relevan dengan keperluan semasa.

Katanya, YPEIM boleh menjadi lambang perpaduan dan semangat tolong menolong kerana kejayaannya menggembeleng sumbangan amal jariah masyarakat dan menguruskannya dengan baik.

Beliau berkata ini menggambarkan dengan jelas bahawa potensinya adalah cerah untuk merealisasikan usaha mewujudkan sumber dana yang besar dan bakal menjadi satu sumber kekuatan umat Islam pada masa depan.

"Berdasarkan tahap profesionalisme pengurusan yang tinggi, saya yakin YPEIM mampu menguruskan dana itu dengan teratur dan berkesan," katanya.

Dr Mahathir berkata pengurusan YPEIM wajar dicontohi oleh institusi atau badan lain yang turut terbabit dalam menguruskan sumbangan masyarakat.

Perdana Menteri berkata penekanan YPEIM terhadap pembangunan masyarakat

adalah seiring dengan usaha kerajaan dalam meneruskan strategi memantap dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Beliau juga yakin YPEIM boleh menjadi saluran terbaik bagi masyarakat Islam termasuk sektor korporat untuk menunaikan tanggungjawab sosial mereka.

Oleh itu, katanya, usaha terbaru YPEIM memperkenalkan saluran bagi masyarakat Islam beramal jariah menggunakan teknologi terkini, seperti skim e-Jariah, Tele-Jariah dan Auto-Jariah, adalah mekanisme terbaik bagi masyarakat di era teknologi maklumat dan multimedia menunaikan tanggungjawab mereka.

(END)